

Oleh Sarah Aina Shawal
sarah.aina@bh.com.my

► Nilai

Juara SUKOL milik KK1

Kolej Kediaman Pertama (KK1) menjuarai Sukan Antara Kolej Kediaman (SUKOL) Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) 2015 yang diadakan di Pusat Sukan Tunku Najihah USIM, di sini, baru-baru ini.

Pengerusi penganjur, Dr Nik Shafikudin Nik Tajuddin, berkata penganjuran SUKOL edisi kelima itu mempertandingkan 14 acara sukan antaranya badminton, bola jaring, bola sepak, futsal, catur dan ping pong.

Katanya, kejohanan tahunan itu berlangsung meriah dengan penyertaan seramai 1,722 atlet dalam pelbagai acara yang diadakan secara bergilir oleh kolej-kolej kediaman di USIM.

Sementara itu, Pengetua KK1, Dr Khairunneezam Mohd Noor, berkata persiapan mantap pihak kolej termasuk dalam memilih atlet berpotensi melalui sesi saringan membuah hasil menerusi kejayaan ini.

Saingan sihat

"Program kesukan seperti ini menjadi platform berke-



Antara pasukan **bola jaring wanita**.

san untuk mengetengahkan bakat mahasiswa dalam bidang sukan di samping mewujudkan persaingan sihat antara atlet dalam menaikkan nama kolej masing-masing.

"Semangat juang dan kesukanan yang ditonjolkan setiap atlet, membuatkan saya kagum dengan mereka. Biarpun tidak menjanjikan ganjaran, insya-Allah, kolej akan usahakan majlis penghargaan untuk mereka nanti," katanya.

Majlis perasmian penutup disempurnakan oleh Naib Canselor USIM, Prof Datuk Dr

Musa Ahmad.

Yang turut hadir ialah Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) Prof Datuk Dr Mohamad Asin Dollah.



Atlet Kolej Kediaman Pertama (KK1) Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) bersorak gembira menjulang piala kejohanan keseluruhan SUKOL USIM 2015.



Peserta acara catur memulakan saingan.



Acara ping pong berlangsung meriah



Aksi peserta tarik tali.